

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Catat Rekod Pendapatan dan Keuntungan Tertinggi 9 Bulan

- Prestasi sembilan bulan yang terbaik untuk Pendapatan, Keuntungan Operasi, dan PBT;
- Pendapatan meningkat 35% kepada RM3.3 bilion (9M TK2024 berbanding 9M TK2023);
- PBT meningkat sebanyak 45% kepada RM636.8 juta dan PATAMI meningkat 50% kepada RM413.8 juta;
- Mencapai jualan kukuh sebanyak RM3.2 bilion, 25% pertumbuhan YoY dan 91% daripada Sasaran Jualan TK2024.

ARA DAMANSARA, 22 November 2024 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan prestasi sembilan bulan terbaik sehingga kini bagi tempoh berakhir 30 September 2024 (“9M TK2024”). Syarikat melaporkan peningkatan 35% dalam pendapatan kepada RM3.3 bilion, manakala keuntungan operasi meningkat 51% kepada RM729.5 juta. Keuntungan sebelum cukai (“PBT”) meningkat 45% kepada RM636.8 juta, dan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) meningkat 50% kepada RM413.8 juta.

Prestasi kewangan Syarikat yang kukuh didorong oleh momentum jualan yang kuat merentasi campuran produk yang pelbagai, peningkatan kerja-kerja pembinaan yang lebih baik dalam segmen Pembangunan Hartanah (“PD”), serta sumbangan pendapatan yang semakin meningkat daripada segmen Pengurusan Pelaburan & Aset (“IAM”) dan Leisure. Jualan bagi tempoh ini meningkat kepada RM3.2 bilion, mewakili peningkatan 25% tahun-ke-tahun (“YoY”), mencapai 91% daripada sasaran jualan TK2024 sebanyak RM3.5 bilion. Pencapaian ini juga menandakan prestasi jualan sembilan bulan tertinggi dalam sejarah Syarikat.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato’ Seri Azmir Merican, berkata, “Keputusan kukuh 9M TK2024 kami menunjukkan pertumbuhan yang didorong sebahagian besarnya oleh segmen Pembangunan Hartanah. Kepelbagaiannya strategik campuran produk kami, digabungkan dengan sumbangan kukuh daripada perbandaran utama serta mengekalkan margin untung kasar (“GP”) yang sihat sebanyak 33%, adalah penting untuk prestasi ini.”

9M TK2024 berbanding 9M TK2023

Segmen PD mencapai pendapatan sembilan bulannya yang tertinggi, melepas RM3 bilion buat kali pertama dan mencecah RM3.1 bilion, yang merupakan peningkatan 36% YoY daripada

RM2.3 bilion. PBT segmen tersebut meningkat sebanyak 64% kepada RM695.4 juta, didorong terutamanya oleh jualan yang kuat dan kemajuan kewangan merentasi perbandaran utama seperti Bandar Bukit Raja, Bandar Serenia, KLGCC Resort, Nilai Impian, dan Elmina Business Park. Selain itu, aktiviti pengewangan tanah bukan teras turut mengukuhkan lagi prestasi segmen ini untuk tempoh kewangan.

Segmen IAM mencatatkan peningkatan kukuh 22% YoY dalam pendapatan, mencecah RM95.8 juta. Subsegmen runcit merekodkan pertumbuhan positif, dengan KL East Mall mencapai peningkatan dalam kadar penghunian kepada 98.1% pada 9M TK2024, meningkat daripada 89.2% pada 9M TK2023. Elmina Lakeside Mall yang baru dibuka juga mula menyumbang kepada pendapatan, meningkatkan prospek segmen tersebut. Walaupun peningkatan segmen tersebut ketara, ia terus menghadapi cabaran, dengan kerugian nilai saksama bersih ke atas hartanah pelaburan dan bahagian kerugian yang lebih tinggi daripada usaha sama.

Pelancaran dan Jualan 9M TK2024

Pada 9M TK2024, Syarikat melancarkan produk berjumlah RM2.9 bilion dalam Nilai Pembangunan Kasar (“GDV”), mencapai 75% daripada sasaran setahun penuh sebanyak RM3.9 bilion. Produk perindustrian menyumbang 47% daripada pelancaran, diikuti oleh kediaman bertingkat tinggi (residential high-rise) pada 27% dan kediaman bertanah sebanyak 19%. Dengan purata kadar pengambilan yang kukuh sebanyak 76% setakat 31 Oktober 2024, projek kediaman utama termasuk Elmina Green 7, Hype Residences di SJ7 — sebuah Pembangunan Berorientasikan Transit (“TOD”) — dan The Ophera di KLGCC Resort, serta pembangunan di perbandaran lain.

Syarikat mencapai RM3.2 bilion dalam jumlah jualan, yang merupakan peningkatan 25% berbanding 9M TK2023, mencapai 91% daripada sasaran jualan TK2024. Segmen perindustrian merupakan penyumbang utama sebanyak 32%, bersamaan nilai kira-kira RM1 bilion. Ini diikuti rapat dengan kediaman bertingkat tinggi yang menyumbang 30% daripada jumlah jualan, manakala segmen kediaman bertanah menyumbang 20%. Segmen komersial menyumbang 14%, dengan kira-kira RM431.1 juta dalam jualan, menandakan sumbangan tertinggi setakat ini untuk kategori ini.

Pencapaian Kewangan / Operasi Lain

Sehingga 30 September 2024, GDV belum terjual untuk inventori lengkap kekal rendah pada RM221.6 juta, manakala baki tunai mencatatkan peningkatan kepada RM790.7 juta. Kedudukan

kewangan Sime Darby Property yang kukuh disokong lagi oleh nisbah penggearan bersih yang bertambah baik sebanyak 19.5%, pengurangan daripada 22.3% pada 1H TK2024 dan yang terendah sejak 2018, menunjukkan Syarikat mempunyai permodalan yang baik untuk pertumbuhan.

Bandar Elmina mengalu-alukan dua pembangunan utama baharu yang menekankan pertumbuhannya sebagai hab bandar yang dinamik. Elmina Lakeside Mall, pusat beli-belah kedua milik penuh Syarikat, dibuka pada 22 Ogos 2024 dengan reka bentuk biofilik yang menggabungkan alam semula jadi dengan runcit moden, mencapai kadar penghunian 98% dan menarik 180,000 pengunjung pada minggu pertamanya. Bersebelahan dengan pusat beli-belah tersebut, servis apartmen bertingkat tinggi pertama di Pusat Bandar Elmina iaitu Kanopi Residences akan dilancarkan pada suku keempat 2024.

Pada Oktober 2024, aset rekreasi Syarikat, KLGCC, disenaraikan sebagai salah satu daripada 100 Padang Golf Terbaik di Asia, menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Maybank 2024 untuk Persatuan Golf Profesional Wanita (“LPGA”). Acara berprestij ini menghimpunkan pemain golf terkemuka dunia dan mengukuhkan lagi status KLGCC sebagai lokasi utama untuk acara golf bertaraf dunia.

Baru-baru ini, Sime Darby Property meraih tempat pertama di The Edge Malaysia Top Property Developer Awards 2024, yang memperkuatkannya kedudukannya sebagai pemaju terkemuka Malaysia. Di samping itu, Syarikat turut memperoleh kemenangan utama di Malaysia Developer Awards 2024 dan dianugerahkan tempat pertama dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas.

Prospek TK2024

Melihat ke hadapan, Sime Darby Property menjangkakan prospek yang memberangsangkan untuk sektor harta tanah, didorong oleh petunjuk ekonomi yang positif. Syarikat berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran jualan TK2024, disokong oleh jualan belum dibil sebanyak RM3.7 bilion dan rizab tunai yang kukuh.

Dato' Seri Azmir menyimpulkan, “Fokus berterusan kami untuk mempelbagaikan campuran produk dan memperluaskan aliran pendapatan berulang, selaras dengan strategi SHIFT25 kami, memposisikan kami untuk pertumbuhan masa depan. Dalam kita ke penghujung tahun 2024 dan

melangkah masuk ke tahun 2025, kami terus komited untuk melipatgandakan nilai untuk Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet.”

- TAMAT SIARAN -

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampuan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berdasarkan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menuju rai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi, dan planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property telah diiktiraf sebagai pemaju harta tanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2024', dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 yang berprestij, 'All-Stars' di StarProperty Awards 2024, anugerah 'Top of the Chart' dalam kategori permodalan pasaran RM1 bilion dan ke atas di Malaysia Developer Awards 2024, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2024, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2024, dan Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2024. Selain itu, Sime Darby Property tersenarai dalam senarai Fortune Southeast Asia 500, sebagai salah satu daripada hanya 89 syarikat Malaysia yang ditampilkan dalam senarai sulung tersebut.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | alia.miorazhar@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com